

# Gerai tetap penjaja seluruh

UM 16 JAN 2002

Oleh ABDUL HAMID MOHAMAD  
dan ISMAIL DAUD

**K**UALA LUMPUR 15 Jan. — Kerajaan akan membina gerai-gerai tetap untuk penjaja dan peniaga kecil di semua bandar seluruh negara bagi membantu menaikkan taraf sosioekonomi golongan tersebut.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, pada masa yang sama, gerai-gerai sedia ada akan dinaikkan taraf, yang bertujuan memastikan persekitarannya bersih dan teratur.

Menurutnya, langkah itu sejajar dengan hasrat kerajaan untuk tidak menghapuskan kegiatan penjaja dan peniaga kecil di tepi-tepi jalan.

## Kemajuan

“Kita tidak boleh hapuskan peniaga kecil sebab mereka mempunyai ramai pelanggan tetapi kita akan baiki (keadaan mereka) supaya lebih sesuai dengan kemajuan negara,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada majlis sambutan Hari Raya Aidilfitri anjuran Persatuan Penjaja dan Peniaga Wilayah Persekutuan di Jalan Tuanku Abdul Rahman, di Chow Kit di sini malam ini.

Jalan tersebut yang ditutup kepada lalu lintas, dipenuhi oleh orang ramai termasuk ahli-ahli persatuan itu yang bersama-sama memeriahkan majlis tersebut.

Turut hadir pada majlis itu ialah isteri Perdana Menteri, Datin Seri Dr. Siti Hasmah Mohd Ah, Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Mohamad Shaïd Mohd Taufek, Timbalan Menteri Kesihatan merangkap ahli Parlimen Titiwangsa, Datuk Seri Dr.

■ Lihat muka 8

## Gerai tetap penjaja seluruh negara

Suleiman Mohamed dan Timbalan Yang Dipertua Gabungan Persatuan-persatuan Penjaja dan Peniaga Kecil Melayu Malaysia, Bahrim A. Razak.

Kata Perdana Menteri, sokongau kerajaan itu juga adalah kerana aktiviti menjamu selera di gerai sudah menjadi sebahagian daripada budaya hidup di Malaysia.

“Malah golongan berada juga gemar makan di gerai bukan kerana mahu menikmati makanan murah tetapi kerana ia adalah tabiat masyarakat Malaysia,” katanya.

Dr. Mahathir berkata, beliau mendapat ilham agar kerajaan membina gerai-gerai tetap itu ketika melawat ke gerai-gerai sementara bulan Ramadan yang lalu.

Menurutnya, walaupun orang ramai beranggapan gerai sementara itu tidak perlu dibuat dengan sempurna tetapi beliau merasakan kerajaan perlu menyediakan tempat berniaga yang lebih baik.

Oleh itu, katanya, kerajaan sedang mengenal pasti lokasi sesuai untuk mendirikan gerai-gerai tersebut.

“Kita akan sediakan peruntukan supaya peniaga kecil dinaikkan taraf dan tidak banyak berbeza dengan peniaga di Bintang Walk, di Jalan Bukit Bintang di sini.

“Sekarang mudah sikit dapat duit sebab saya Menteri Kewangan. Dulu swah sebab saya kena minta daripada orang lain,” kata Dr. Mahathir secara berseloroh.

Pada masa yang sama Perdana Menteri mahu penjaja dan peniaga kecil yang diberi peluang bekerjasama menjaga kebersihan gerai masing-masing kerana ia adalah antara daya tarikan.

“Kalau kita susun gerai

dan peralatannya dengan baik, jaga kebersihan, berpakaian bersih, pinggan elok, saya yakin peniaga ini tidak akan menjadi sasaran pihak berkuasa,” katanya.

Beliau menambah, dengan gerai yang bersih, menarik dan tersusun, peniaga boleh mengenakan bayaran yang tinggi sedikit.

Pada majlis itu, Dr. Mahathir menerima sumbangan RM15,000 untuk Tabung

Afghanistan dan RM48,000 untuk tabung banjir yang ditubuhkan oleh Persatuan

Penjaja dan Peniaga Wilayah Persekutuan. Ia termasuk RM30,000 daripada Creative Network International (CNI) Sdn. Bhd.

CNI turut menyumbangkan 20 tan makanan bernilai RM2 juta untuk tabung yang sama.

negara